

# Perkukuh KRT, SRS mampu elak masalah sosial setempat

**Dr Mariah Darus**  
Pensyarah Kanan  
Pusat Pengajian  
Kerajaan,  
Universiti Utara  
Malaysia (UUM)

**Jenayah** seperti pecah rumah, pencurian dan pembunuhan semakin menjadi-jadi. Kita memang tidak boleh membandingkan dahulu dengan sekarang kerana pelbagai faktor seperti pertambahan penduduk, pembangunan dari segi ekonomi, sosial dan politik.

Namun, semua pihak perlu cakna dan memikirkan inisiatif boleh dilaksanakan selain mengharapkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa dan kerajaan untuk menanganinya.

Kalau kita lihat semula antara inisiatif pernah dilaksanakan ialah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) bertujuan menjaga keamanan, keselamatan rumah dan kawasan setempat.

KRT dilancarkan Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein pada 29 Ogos 1975 dalam sektor Rukun Tetangga Kampung Kassipalay, Kuala Lumpur.

Skim diwujudkan di bawah Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) dalam Ordinan Darurat 1969 itu, adalah untuk memastikan keselamatan penduduk di kawasan dikenali sebagai sektor berikutan kejadian menggugat perpaduan nasional.

Begitu juga SRS dilancarkan secara rasminya di Pulau Pinang pada 21 Februari 2004 bertujuan membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah dan gejala di komuniti setempat.

KRT dan SRS perlu diperkukuh semula supaya dapat membantu pihak berkuasa menangani isu jenayah, perpaduan dan menjaga keharmonian kawasan setempat.

Melalui inisiatif ini, ia memberi kuasa kepada penduduk memastikan keamanan dan keselamatan rumah serta kawasan sekitarnya melalui rondaan wajib untuk meningkatkan perhubungan antara kaum.

Inisiatif ini sudah dibuat, tetapi soalnya bagaimana tahap pelaksanaannya dalam masyarakat? Sebenarnya semua pihak termasuk kerajaan

dan pihak berkuasa, pemimpin komuniti iaitu penghulu, ahli jawatankuasa kampung, taman perumahan dan rakyat perlu berganding bahu memperkukuh semula KRT dan SRS.

## Tingkat aktiviti kejiiran

Ini kerana fungsi KRT dan SRS dapat membendung masalah sosial dan memberi manfaat kepada kita. Antara fungsi KRT mengikut Seksyen dan Akta Rukun Tertangga 2012 adalah menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan kejiiran, perpaduan, muhibah dan keharmonian.

Ia juga membabitkan keselesaan, keamanan, kerjasama, keselamatan, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup dalam masyarakat.

SRS pula untuk membuat rondaan di kawasan ditentukan Jawatankuasa Rukun Tetangga.

Dalam hal ini, kepimpinan komuniti sebagai wakil penduduk perlu berperanan dalam

membangkitkan isu dihadapi komuniti setempat. Golongan itu berperanan menggiatkan aktiviti, mengadakan jadual rondaan dan memberi peluang kepada golongan belia terutama dalam proses pembuatan keputusan.

Ini kerana keberkesanan pemimpin juga berdasarkan keterbukaan menerima pandangan daripada semua pihak dan golongan. Aduan dan masalah di kawasan setempat perlu diambil maklum pemimpin komuniti, sebelum disalurkan kepada pihak berkuasa.

Ini dapat membantu pihak berkuasa mengenal pasti masalah dan mengambil tindakan sewajarnya. Bukan sahaja jenayah dapat diatasi, bahkan mewujudkan perpaduan antara kaum.

Dengan memperkukuh KRT dan SRS, masyarakat mempunyai kesedaran, peka dan bertanggungjawab menjaga keamanan kawasan setempat. Kesedaran ini dapat membentuk generasi bertanggungjawab terhadap komuniti tanpa menuding jari terhadap pihak lain.



(Ditulisasi)